

4,050 pusat pindah mangsa banjir disediakan

Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca ramal bencana lebih buruk

Oleh Shamsul Azree Samshir dan Sazarina Shahrim

PUTRAJAYA: Kerajaan akan membuka 4,050 pusat pemindahan banjir di seluruh negara dengan kemampuan menampung kira-kira sejuta mangsa bagi menghadapi musim banjir yang dijangka buruk tahun ini.

Keputusan itu dibuat dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat bagi membincangkan persiapan menghadapi musim banjir yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, di sini semalam.

Pada masa sama, kerajaan yang sudah menyalurkan lebih RM80.5 ju-

FAKTA NOMBOR

Bantuan bencana alam

RM80.5j

Jumlah tahun ini

RM13.9j

Cadangan tambahan di 6 negeri

RM100j

Jumlah 2005

ta bagi bantuan bencana alam, menimbang peruntukan tambahan RM13.9 juta untuk diagihkan kepada Kelantan, Kedah, Terengganu, Pahang, Sabah dan Johor, tahun ini.

Bantuan bencana alam itu akan diagihkan dalam pelbagai bentuk seperti wang ihsan, kos membiayai kerja membaiki kerosakan rumah dan tanaman, pampasan kehilangan ternakan serta pemindahan mangsa banjir.

"Segala persiapan sudah kita buat di pelbagai peringkat dengan fokus memastikan bantuan dapat diberi segera serta tepat kepada kumpulan sasar," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat itu.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca Ma-

laysia, Dr Yap Kok Seng, berkata banjir mungkin lebih buruk pada musim tengkujuh ini berikutan jumlah hujan dianggarkan lebih tinggi serta berterusan hingga Januari.

"Jumlah hujan yang lebih tinggi dijangka berlaku kerana angin monsun Timur Laut yang kuat tahun ini mampu membawa lebih banyak lembapan, berbanding tahun lalu," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Yap berkata, pihaknya sedang memantau perkara itu dan akan bekerjasama dengan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi memaklumkan perkembangan terkini ancaman berlakunya banjir.

LIHAT MUKA 2

Semua pihak diminta sedia hadapi banjir

BH 25/11/2006

DARI MUKA 1

Berdasarkan statistik jabatan itu, jumlah hujan yang dicatatkan di beberapa kawasan di Pantai Timur meningkat hampir tiga kali ganda pada setiap November berbanding bulan sebelumnya.

Sementara itu, purata jumlah hujan di beberapa lokasi berpenduduk padat seperti Petaling Jaya juga mencatat peningkatan hampir sekali ganda pada November berbanding November setiap tahun.

Najib berkata, kerajaan juga akan mengeluarkan beberapa peringatan kepada jabatan dan agensi bertanggungjawab serta mereka yang tinggal di kawasan berisiko diminta supaya segera berpindah jika diarahkan.

"Kita juga memberi panduan kepada jabatan dan agensi berhubung aset yang diperlukan untuk memindah dan menyelamatkan mangsa seperti bot, kenderaan berat, dan helikopter mestilah ditempatkan sebelum banjir berlaku," katanya.

Sementara itu Najib berkata, kerajaan juga mengarahkan semua pengetua atau guru besar sekolah supaya membenarkan kemudahan di sekolah seperti dewan digunakan sebagai pusat penempatan banjir.

"Kita juga berbincang mengenai soal pencegahan dan manual yang disediakan di sekolah akan dikemas kini dengan meminta guru besar serta guru menasihatkan murid apa yang patut dilakukan ketika banjir," katanya.

Mengenai bantuan bencana alam, beliau berkata, kerajaan menyalurkan lebih RM80.5 juta tahun ini dan sedang menimbang peruntukan tambahan RM13.9 juta untuk diagihkan kepada Kelantan, Kedah, Terengganu, Pahang, Sabah dan Johor.